

SM St. Anthony Raikan Program Perpaduan



Labuan , Saint Anthony Secondary School atau dikenali sebagai SAS telah mengadakan program perpaduan pada 27 Februari 2019 sempena sambutan Hari Krismas dan Tahun Baru Cina peringkat sekolah.

Berucap dalam majlis perasmian, Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin mengucapkan terima kasih kepada pihak PIBG, Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS), para ibu bapa dan komuniti yang sentiasa memberikan sokongan dan bantuan kepada pihak sekolah.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada para penyumbang komputer sekolah sebelum ini iaitu Encik Alex Lee Han Yhen dan Encik Andy Tan Wen Guan juga kepada Encik Paul Ipoh yang menyumbangkan peti sejuk kepada sekolah.

Dalam ucapan aluan Pengetua, Puan Dona Binti Undoh juga mengucapkan terima kasih kepad pihak PIBG dan LPS yang menaja jamuan pada hari ini, juga kepada semua guru dan

AKP SAS yang dedikasi.

Beliau juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu bapa yang menaja jamuan anak-anak di kelas masing-masing.

Dalam majlis ini juga Encik Chia Sia Theng selaku YDP PIBG SM St Anthony dan Dr Baby Chong Vui Hiong telah menaja dan menyumbangkan pemberian angpau kepada 419 orang murid di sekolah ini.

Encik Chia juga turut memberikan angpau kepada semua guru dan staf SAS.

Encik Chia dalam ucapannya berharap agar semangat keharmonian dan perpaduan kaum di sekolah ini akan berkekalan.



Chia Sia Theng (tengah) dan Dr Baby Chong Vui Hiong menyerahkan sumbangan angpau kepada 419 Orang murid SM St. Anthony disaksikan oleh Dona (Pengetua) dan Yee Choon Hian (PK HEM)

Encik Raisin Saidin turut menyampaikan angpau kepada

murid-murid yang mencatat kehadiran penuh pada tahun 2018.

Beliau mengucapkan tahniah kepada seluruh warga sekolah kerana berjaya mengadakan program perpaduan pada kali ini.

Beliau menyifatkan sekolah ini adalah milik komuniti yang sentiasa mendapat bantuan dan sumbangan dari pihak NGO mahu pun sumbangan individu.

Beliau berharap agar sekolah ini akan terus mencapai kecemerlangan dalam apa jua bidang yang diceburi.



Encik Raisin Saidin(tengah) menyampaikan angpau sebagai hadiah kehadiran penuh kepada murid-murid SAS, bersama Yee Choon Hian (Kiri) dan Dona (kiri)



Antara Tetamu Jemputan yang memeriahkan sambutan program perpaduan SAS

Kiri : Ag Marten (KPP BTPN), Encik AL (Wakil Bapa Angkat Korporat), IR Friddy Fu (Pengurus Lembaga Pengurusan Sekolah), Dona (Pengetua), Raisin Saidin (Pengarah Pendidikan), Chia Sia Theng (YDP PIBG), Dr Baby Chong Vui Hiong (Bendahari PIBG), Chin Kin Yin (Presiden LIONS Mandarin Club), Paul Ipoh (AJK LPS) Marwin (Wakil Bapa Angkat Korporat SAS)

Berita Oleh : SM St. Anthony